

Kerajaan beri perhatian serius isu hak asasi

Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed
bhrencana@bh.com.my



Timbalan Pendaftar Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Peranan besar Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) menjangkau usia 25 tahun diperakui Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berdasarkan pengalaman peribadinya.

Seksyen 2 Akta SUHAKAM 1999 (Akta 597) mentakrifkan 'hak asasi manusia' sebagai merujuk 'kebebasan asas seperti termaktub dalam Bahagian II Perlembagaan Persekutuan' mencerminkan ia seiring dengan apa terkandung dan dipelihara Perlembagaan.

Mungkin ramai tidak sedar antara kuasa diperuntukkan menasihati kerajaan dan pihak berkuasa berkaitan aduan terhadap mereka serta mengesyorkan langkah sesuai, mengkaji dan mengesahkan sebarang pelanggaran hak asasi manusia, melawat tempat tahanan mengikut prosedur ditetapkan undang-undang.

Sebagai badan bebas, SUHAKAM mampu menegakkan keadilan kepada golongan teraniaya tanpa mengira etnik, jantina, agama atau bahasa.

Misalnya melalui fungsi menggalakkan kesedaran dan menyediakan pendidikan berkaitan hak asasi manusia, kita lihat SUHAKAM mengambil pelbagai

inisiatif strategik seperti bekerjasama dengan pihak berkuasa agama di peringkat Persekutuan dan negeri dengan menyediakan input teks khutbah Jumaat menyentuh pelbagai isu hak asasi manusia.

Sepanjang 2017 hingga 2020, sebanyak 19 teks khutbah bertemakan topik hak asasi manusia dibaca jabatan agama Islam di peringkat Persekutuan dan negeri berdasarkan input SUHAKAM dan terkandung dalam buku *Kompilasi Khutbah Hak Asasi Manusia* dilancarkan baru-baru ini.

Bergerak ke hadapan, walaupun SUHAKAM bukan agensi penguat kuasa dan tidak diberikan kuasa penguatkuasaan, dalam melaksanakan fungsi dan kuasanya, kita berharap kerajaan terus membuka pintu seluas-luasnya untuk mewujudkan kerjasama strategik dengan semua jabatan dan agensi kerajaan.

Kita meminta kerajaan memberikan ruang kepada SUHAKAM memberikan pandangan dan input secara bebas demi keadilan sejagat.

Inisiatif kerajaan membawa kepada kelulusan Rang Undang-Undang (RUU) SUHAKAM (Pindaan) 2023 memperuntukkan beberapa pindaan diyakini dapat mengukuhkan lagi kuasa dan fungsi badan ini sebagai organisasi hak asasi manusia menjaga kemaslahatan rakyat.

Keputusan kerajaan mewajibkan laporan tahunan SUHAKAM dibahaskan di Parlimen menjadi

mesej jelas betapa isu hak asasi diberi perhatian serius, sekali gus mengiktiraf peranan pentingnya.

Diharap SUHAKAM terus bersuara memperjuangkan hak asasi manusia berdasarkan akta diperuntukkan untuk melunaskan tanggungjawab menjadi badan penting dalam proses semak dan imbang.

SUHAKAM perlu terus memperjuangkan hak dan keadilan dalam isu sensitif seperti kematian dalam tahanan polis, masalah penderaan dan sosial kanak-kanak serta pembelaan nasib golongan rentan.

Hak asasi manusia semakin menjadi tumpuan masyarakat dunia dan menjadi isu besar perlu ditangani dengan bijak dan berhemah umpama menarik rambut dari tepung untuk memartabatkan hak asasi setiap kelompok secara adil yakni tanpa menafikan hak orang lain.

Maka formula paling mujarab untuk memperkuatkan hak asasi manusia adalah meningkatkan tahap kesedaran masyarakat hingga celik hak asasi kerana ia dimiliki setiap manusia sejak lahir.

Diharap SUHAKAM terus melaksanakan lebih banyak aktiviti memupuk kesedaran dalam masyarakat agar sedar hak diri dan hak orang lain dalam kerangka saling hormat-menghormati, menunaikan tanggungjawab serta memelihara dan mempertahankan maruah diri dan juga orang lain.